

08/01/2002

Nur Misuari dihantar pulang ke Filipina

Mohd Azis Ngah; Mohd Anwar Patho Rohman; Anida Salwani Abdul Hadi
KUALA LUMPUR, Isnin - Bekas Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari yang ditahan kerana memasuki negara ini secara haram November lalu, dihantar pulang ke Filipina bersama tujuh pengikutnya, hari ini.

Lapan anggota Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) yang ditahan di Jampiras, Sabah pada 24 November lalu itu diserahkan kepada pegawai kanan polis Filipina sebelum berlepas dari sini dan Kota Kinabalu dengan dua pesawat khas tentera udara negara itu.

Misuari, 60, yang juga pengerusi MNLF dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah MNLF di Jolo, Abu Haris Osman, 59, berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini bersama rombongan polis Filipina diketuai Pengarah Pengurusan Penyiasatan dan Detektif, Lucas M Managuelod.

Enam lagi - Harun Annay Bakil, 43; Sansibar Sawadjaan Johan, 31; Ishmael Esguerra Uddin, 37; Gamar Abd Razak, 39; Abdua Abdurahman Akil, 32; dan Omar Abdullah, 55, dihantar pulang dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu bersama sepasukan polis diketuai Pengarah Polis, Nestorio B Gualberto.

Difahamkan Misuari dan Abu Haris dibawa dari pusat tahanan ke lapangan terbang kira-kira jam 5.45 pagi sebelum diterbangkan dengan pesawat tentera Filipina, C130, yang tiba di Malaysia kira-kira jam 8.45 pagi.

Pada 19 November lalu, Misuari mengisytiharkan perang ke atas Filipina di Jolo sebelum melarikan diri dan ditahan di Sabah. Penahanannya menimbulkan pelbagai reaksi di Filipina yang agak keberatan menerimanya, walaupun Manila mahu beliau dibicarakan atas tuduhan memberontak.

Penghantaran pulanginya hari ini mengakhiri ketidaktentuan mengenai bagaimana Manila mahu menyelesaikan kes tokoh pejuang pembebasan itu yang pada awal tahun 1970'an mengisytiharkan pemberontakan di Selatan Filipina dalam konflik yang mengorbankan ribuan nyawa.

Sejak penahanannya di sini, Malaysia tegas dengan pendirian mahu menghantarnya pulang. Misuari sendiri memohon supaya diberi suaka politik dan dihantar ke negara ketiga.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ditemui pemberita selepas Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga (MAPPA III) di Bukit Kiara di sini, hari ini mengesahkan perkara itu.

"Misuari sudah dihantar pulang hari ini bersama semua pengikutnya," kata Perdana Menteri, tetapi tidak mengulas lanjut.

Menteri Luar, Datuk Sri Syed Hamid Albar, berkata pesawat yang membawa Misuari tiba di Manila pada jam 3 petang, manakala sebuah lagi pesawat tiba tiga jam lebih awal.

(END)